

Kekurangan doktor pakar serius di Sabah

UM 11.5.2014 7

KOTA KINABALU 10 Mei - Semua pegawai perubatan tempatan diminta melakukan transformasi dengan menambah ilmu melalui penyertaan dalam kursus-kursus kepakaran bagi menampung masalah kekurangan doktor pakar yang agak serius di negeri ini.

Pengarah Kesihatan negeri, **Dr. Christina Rundi** berkata, setakat ini nisbah pegawai perubatan dengan pesakit di seluruh negeri berada pada kadar 1:1,500, malah pihaknya turut mengalami masalah itu bagi semua bidang kepakaran, termasuk doktor pakar.

Mengambil contoh kepakaran dalam bidang kanak-kanak atau pediatrik beliau berkata, Jabatan Kesihatan negeri hanya mempunyai dua pakar bagi bidang itu bagi menampung keperluan di seluruh negeri.

"Jumlah itu sememangnya sedikit kerana kita menerima tuntutan tinggi. Namun, kita bersyukur kerana masih mampu mengoptimumkan sumber dengan tuntutan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pembedahan Pediatrik Pertama Borneo 2014 di Fakulti Perubatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Perubatan UMS, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Mudin dan Presiden Persatuan Pakar Bedah Pediatrik Australia dan New Zealand, Prof. Deborah Bailey.

Seminar yang berlangsung selama tiga hari itu disertai 493 peserta terdiri daripada pengamal perubatan, jururawat dalam dan luar negara.

Tambah Christina, pihaknya kini mempunyai dua pakar bedah jantung kanak-kanak yang dilihat mampu mengurangkan risiko untuk menghantar pesakit mendapatkan rawatan di Semenanjung Malaysia.

Katanya, selain memupuk minat para pegawai perubatan untuk mengambil kursus kepakaran, pihaknya turut bekerjasama rapat dengan Fakulti Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menangani masalah itu.

"Ini merupakan harapan kita apabila melihat kesungguhan UMS mengambil tanggungjawab dalam membantu Sabah menangani masalah perkhidmatan kesihatan termasuk kekurangan pakar," katanya.

Sementara itu, **Kamarudin** memberitahu, UMS kini dalam usaha membantu jabatan kesihatan negeri dalam melahirkan lebih ramai pakar-pakar pelbagai bidang di negeri ini melalui penyediaan ruang pembelajaran dan latihan.

"Dengan kelengkapan dan sumber pembelajaran yang canggih di fakulti ini, saya yakin hasrat tersebut dapat dicapai," katanya.